# LEMBARAN INTEGRITI

EDISI 5/2021



## BERSAMA PUTUSKAN RANTAIAN JANGKITAN COVID-19

*Untuk sebarang pertanyaan mengenai **Aktiviti Pertanian (Sektor Tanaman)** sepanjang tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**, orang awam boleh menghubungi **HOTLINE JABATAN PERTANIAN** di talian :*

03-8870 3042
03-8870 3045

Bersama Hentikan Wabak COVID-19

## 1. PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DALAM TEMPOH PKP 3.0 FASA 1 DARI 1 – 14 JUN 2021

i. **100% Bekerja Dari Rumah (BDR)** tidak termasuk *frontliners*/ anggota keselamatan dan pertahanan/penguatkuasa.

ii. **Semua mesyuarat** secara dalam talian. Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal.

iii. **Perkhidmatan kaunter ditutup sepenuhnya** kecuali kaunter perkhidmatan kesihatan, balai polis dan di pintu-pintu masuk antarabangsa yang melibatkan perkastaman, imigresen serta kuarantin.

iv. **Kehadiran ke pejabat** hanya boleh dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan kehadiran **tidak melebihi 20%.**

*Sumber : Pejabat Ketua Setiausaha Negara*

## 2. ISU : INTEGRITI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

Penjawat Awam **DILARANG** :

1. Membuat sebarang **pernyataan awam tanpa kebenaran**.
2. **Komen** atau **membuat pernyataan isu-isu** yang boleh **menjejaskan imej dan dasar Kerajaan**.
3. **Menyebar** maklumat berbentuk **fitnah dan hasutan serta berbaur lucah**.
4. **Memprovokasi** sesuatu yang **menyalahi peraturan dan undang-undang.**
5. **Berkongsi** perkara yang menyentuh **sensitiviti** individu atau kumpulan tertentu.

*Sumber : Jabatan Perdana Menteri*

## 4. SESI PERKONGSIAN PELAKSANAAN *ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS* (ABMS) OLEH JPJ PUTRAJAYA PADA 3 MEI 2021




## 3. MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

[PERATURAN 5, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993] [P.U.(A)395/1993]

Penjawat Awam adalah **DILARANG** melakukan pekerjaan luar melainkan dengan kebenaran **KETUA JABATAN.**

Borang permohonan kelulusan melakukan pekerjaan luar perlu dikemukakan kepada **Bahagian Pembangunan Modal Insan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Putrajaya**.

*Rujukan : Garis Panduan Permohonan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar Jabatan Pertanian*



## 5. PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, MAFI menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling kepada warga Kementerian dan Jabatan. Ia merupakan salah satu usaha dalam membangunkan potensi diri kakitangan awam melalui pendekatan psikologi dan kaunseling.

Sebarang permohonan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh dikemukakan di alamat berikut :

**Seksyen Pengurusan Psikologi**
**Bahagian Pembangunan Sumber Manusia**
**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**
**Aras 6, Blok Podium 4G1, Wisma Tani**
**No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4**
**62624 PUTRAJAYA**

**No. Tel : 03-8870 1510/ 1634/ 1533/ 1545/ 1532/ 1528**
**Emel : psikologi@mafi.gov.my**

*Rujukan:*
*Surat MOA.100-15/1/10 JLD 3 (55) bertarikh 26 Mac 2021*